

**AGAMA DAN KHILAFAH**  
**(IKTIBAR KEJATUHAN BAGHDAD 10 FEB 1258)**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Antara tujuan penciptaan manusia ialah untuk menjadi khalifah di muka bumi ini . Sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab untuk mentadbir alam ini berasaskan syariat Allah Subhanahu wa-Taala . Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-An'am ayat 165:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ

فِي مَا آتَاكُمْ مِنْهُ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Yang bermaksud: *Dan Dia-lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Atas amanah ini, antara akidah perjuangan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah keperluan menjaga agama menerusi kuasa pemerintahan dalam sesebuah negara. Sekiranya Islam itu hanya memadai dengan solat dan puasa, maka Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak akan berhijrah untuk membina negara Madinah. Ini kerana di Makkah, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat boleh sahaja mendirikan solat. Akan tetapi sejarah mengajar bahawa banyak sudut agama itu boleh ditegakkan dengan sempurna apabila Islam memerintah. Dalam kitab Ihya'ulumuddin, Imam al-Ghazali pernah menyatakan yang bermaksud: *Pemerintah dan agama itu ibarat saudara kembar. Agama itu dasar, pemerintah itu pengawalnya. Barang siapa yang tiada dasar, maka akan binasa. Barang siapa yang tiada pengawal, maka ia akan kehilangan.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kemuncak kepada kejayaan pemerintahan Islam dapat disaksikan semasa zaman Khilafah Abbasiyah yang berpusat di Kota Baghdad. Pada waktu itu dunia kagum dengan pencapaian umat Islam dalam bidang sains dan teknologi. Dunia juga menghormati kekuatan pemerintahan Islam yang menjadi pembela kepada manusia yang dizalimi. Baghdad menjadi rujukan seluruh dunia yang ingin mempelajari pelbagai ilmu, sains dan teknologi.

Akan tetapi pada tanggal 10 Februari 1258 Masihi, setelah hampir 500 tahun berkuasa, kerajaan Abbasiyah akhirnya jatuh juga ke tangan tentera Tartar di bawah pemerintahan Hulagu Khan. Kisah kejatuhan Baghdad ini amat memilukan. Ribuan nyawa telah dibunuh, rumah kediaman telah dirobohkan, bahkan Baitul Hikmah yang menjadi gedung ilmu terkemuka, telah dibakar. Kitab-kitab telah dicampak untuk dijadikan jambatan ke Sungai Dajlah sehingga airnya bertukar menjadi kehitaman.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Inilah kesan dan akibat sekiranya Islam hilang kuasa pemerintahan. Bermula dari saat itu, penguasaan Muslim dalam sains dan teknologi mula pudar. Golongan manusia yang lemah tidak lagi mendapat pembelaan yang sewajarnya. Syiar Islam dihapuskan sedikit demi sedikit, sementara syariat Islam dipinggirkan.

Antara sebab kejatuhan Khilafah Abbasiyah di Baghdad, ialah kerana perpecahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam sendiri yang akhirnya membawa kepada beberapa siri pemberontakan. Hilangnya kesatuan umat, telah melemahkan negara. Antara kelemahan kepimpinan Islam waktu itu ialah ketirisan dalam pentadbiran, mereka sibuk membolot harta kekayaan serta mengabaikan amanah yang diberikan dan mengutamakan kebendaan melebihi dari menguat dan mengukuhkan agama Islam. Selain itu, segelintir umat Islam pula disibukkan dengan perkara remeh-temeh, sehingga mereka terlupa untuk melaksanakan tugas khilafah yang lebih penting, seperti mempertahankan Islam dengan negara yang kuat dan bersatu padu.

Marilah kita mengambil iktibar daripada kejatuhan Baghdad, dengan berusaha bersungguh-sungguh mempertahankan pemerintahan Islam. Dan janganlah sekali-kali kita bersekongkol dengan golongan yang mahu melemahkan syariat Islam. Marilah kita bersama-sama membentuk satu masyarakat yang mencintai Allah Subhanahu wa-Taala dan Rasul-Nya bermula dengan mencintai masjid dengan mendirikan solat berjemaah. Dengan itu, masyarakat umat Islam akan menjadi kukuh dan bersatu padu dalam menghadapi masalah yang dihadapi oleh masyarakat hari ini seterusnya dapat mengembangkan agama Islam yang suci ini sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Nur ayat 55.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ

الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا<sup>ع</sup>

يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا<sup>ح</sup> وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Yang bermaksud: Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang yang derhaka.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ  
الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.